

LATIHAN PEMAHAMAN PETIKAN

Baca bahan-bahan yang diberikan dengan telitinya. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PETIKAN 1

Amran berharap dan hendak bersuara agar namanya disebut oleh Cikgu Sunan. Pendapatan hariannya, selepas sekolah atau pada hari minggu tidak mencukupi walaupun beruknya yang memetik buah kelapa itu tidak pernah sakit.

"Tolong beri nama dan hantar ke pejabat. Ada orang nak beri bantuan pakaian sikit," kata Guru Besar dan terus beredar.

"Baiklah, cikgu," jawab Cikgu Sunan dan kemudian kembali duduk di mejanya.

Amran, tunduk semahu-mahunya walaupun tergerak juga hendak memanggong kepala untuk memberitahu yang dia cuma ada dua helai seluar dan sehelai baju. Sehelai untuk dipakai ke sekolah dan sehelai lagi untuk dipakai ketika bersama-sama Chot memanjat kelapa.

PETIKAN 2

Zali datang ke sekolah berkaki ayam. Cikgu Ayub tidak begitu senang dengan keadaan Zali. Walaupun dimarah dan didenda, Zali tetap tidak berkasut. Pada suatu hari, Cikgu Ayub mendenda Zali dengan mengikat kotak tisu di kedua-dua belah kakinya. Zali berasa sangat malu. Sejak hari itu Zali tidak datang ke sekolah.

Cikgu Ayub berasa bersalah. Niatnya untuk menjadikan muridnya kelihatan kemas telah menyebabkan Zali tidak datang ke sekolah. Selepas seminggu Zali tidak hadir ke sekolah, Cikgu Ayub telah ke pekan membeli kasut sekolah baharu untuk Zali. Cikgu Ayub telah pergi ke rumah Zali untuk memberikan kasut tersebut. Cikgu Ayub berasa sungguh hiba melihat keadaan rumah Zali.

- (i) Berdasarkan bahan 1 dan bahan 2, nyatakan bantuan yang diperlukan oleh watak Amran dan watak Zali. [3 markah]

Berdasarkan, bantuan yang diperlukan oleh watak Amran ialah
Amran memerlukan bantuan seperti dan
.....

Berdasarkan, bantuan yang diperlukan oleh watak Zali ialah Zali
memerlukan bantuan seperti

- (ii) Berdasarkan kedua-dua petikan, nyatakan persamaan antara watak Amran dengan Zali. [3 markah]

Berdasarkan kedua-dua petikan, persamaan antara watak Amran dan Zali ialah mereka merupakan murid sekolah yang

- (iii) Masih banyak murid sekolah yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah.
Pada pendapat anda, bagaimanakah pihak sekolah dapat membantu murid-murid seperti Amran dan Zali selain memberikan bantuan pakaian? [4 markah]

Pada pendapat saya dapat membantu murid-murid seperti Amran dan Zali selain memberikan bantuan pakaian ialah pihak sekolah memberi bantuan kewangan seperti, bantuan dan baucer buku serta seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT).